

## Demo : Perisian ASPMaker v 2.2


Menurut pembuat perisian ini,

"ASPMaker is an automation tool that can generate a full ASP web site quickly from a Microsoft Access database or any ODBC Data Source."


Dengan perisian **ASPMaker** ini, anda boleh mencipta laman web berasaskan ASP dengan mudah dan cepat. Ini sangat berguna sekiranya anda sudahpun mencipta 'database' tetapi tidak mempunyai masa yang cukup untuk membina antaramuka pengguna berasaskan web.

Dalam demo ini, saya menggunakan contoh 'database' **Northwind.mdb** yang didatangkan dengan Microsoft Access 2002. Klik pada **Microsoft Access Database** dan klik pada ikon **Browse**. Cari 'database' **Northwind** di **C:\Program Files\Microsoft Office\Office10\Samples**. Sekiranya fail ini tiada, anda mungkin tidak memilih untuk menyalin fail ini semasa proses pemasangan Microsoft Access. Tidak mengapa. Anda boleh menggunakan 'database' anda sendiri.


Kemudian, klik **Connect**.




Ia akan menyuruh anda meletakkan nama projek. Namakan ia sebagai **Contoh Database Northwind** dan klik OK.



Tunggu sebentar kerana pada masa ini, 'database' akan di'load'. Sekiranya segalanya berjalan lancar, anda boleh melihat skrin seperti di bawah




Sekarang, kita berada di menu **DATABASE**. Masa untuk beralih pula kepada menu yang seterusnya iaitu menu **ASP**.




Anda boleh mengubah **Records per page**. Sekiranya anda meletakkan 15, maka setiap page akan memaparkan 15 rekod sahaja. Untuk **Session Timeout**, anda boleh meletakkan nilai bersesuaian dengan keperluan polisi keselamatan anda. Nilai default ialah 20 minit.

Beralih pula kepada menu **HTML**. Anda boleh meletakkan **Title** yang anda gemari seperti "Contoh Database Northwind". Jenis *face* pada *font* dan saiz *font* juga boleh ditukar. Sekiranya anda mempunyai **CSS**, anda bolehlah meletakkan sekarang.




Untuk menu **TABLE** pula, anda boleh mendefinisikan nilai yang sesuai untuk **Width, Border, Cell Padding, Cell Spacing** dan lain-lain. Sebagai contoh, saya menukarkan **Header Color** kepada warna #9900CC.




Beralih pula pada menu **SECURITY**. Anda mempunyai pilihan sama ada tidak menggunakan sebarang kata laluan, menggunakan Hard Code atau sekiranya takrifan security telah dibuat dalam 'database', anda boleh menggunakan pilihan **Use Existing Table**.

Dalam 'database' **Northwind**, tiada password yang didefinisikan di dalamnya. Saya menggunakan pilihan **Hard Code** di sini. Letakkan *username* dan *password* yang sesuai.




Sekiranya anda mempunyai mata yang tajam, anda boleh melihat cekupan skrin di atas yang mana saya menggunakan **User Name admin** dan **Password admin**. Ini adalah amalan sekuriti yang sangat bahaya kerana ia senang diteka oleh penggodam. Contoh di atas adalah untuk tujuan demo sahaja dan tidak sesuai dipraktikkan dalam pembinaan web aplikasi yang melibatkan 'database' !!!


Menu terakhir ialah **GENERATE**. Pilih **Template File** dan kemudiannya, **Destination Folder**. Untuk **Destination Folder**, saya meletakkan di **C:\inetpub\wwwroot** iaitu direktori **default webserver IIS** yang didatangkan bersama dengan barisan produk berasaskan NT seperti **Microsoft Windows XP Professional**. Klik **Generate ASP**.



Setelah selesai proses penjanaan ASP, buka **Internet Explorer**. Mengandaikan yang anda telahpun melarikan **IIS service**, laman anda akan kelihatan seperti ini



Masukkan **User ID** dan **Password**. Anda akan melihat laman seperti ini



Antaramuka ini mungkin berlainan dengan antaramuka yang dipaparkan di komputer anda. Ini bergantung kepada *template* yang anda gunakan sebelum ini di menu **GENERATE**. Saya menggunakan *template* **Graphical 2.2**.

Mudah bukan ? Seterusnya, anda boleh menggunakan *CASE tools* seperti **Microsoft Frontpage**, **Macromedia Dreamweaver** dan lain-lagi untuk mengubah antaramuka yang anda rasakan tidak sesuai.

Program ini bukanlah program percuma. Anda dibenarkan untuk menggunakannya selama 30 hari untuk tujuan penilaian tentang kegunaan perisian ini. Penggunaan lebih dari 30 hari memerlukan anda membayar sebanyak US\$ 19.50 kepada pembuat perisian iaitu **e.World Technology Ltd**. Perisian ini boleh didapati di <http://www.hkvstore.com/ASPMaker>.